ELEMEN HARAM DALAM KEWANGAN (RIBA, GHARAR DAN MAISIR)

PROF. MADYA DR.MOHAMAD SABRI BIN HARON
PUSAT PENGAJIAN UMUM
UNVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

PENDAHULUAN

- Transaksi muamalat semua perkara adalah halal dan harus kecuali perkara-perkara yang telah ditetapkan menerusi nas.
- Antara perkara-perkara yang diharamkan ialah riba, gharar dan judi.

RIBA

- Riba dari segi bahasa ialah tambahan atau subur.
- Walau bagaimanapun bukan semua yang perkara yang bertambah itu riba menurut hukum fikah.
- Dari segi istilah syariat ialah akad yang terjadi ke atas pertukaran barangan yang tertentu yang tidak diketahui persamaannya menurut ukuran syarak ketika berakad, atau dengan menangguhkan tukaran kedua-dua belah pihak atau salah satu daripada keduanya.

Kronologi Riba:
1.Surah al-Rum ayat 39

- “Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan agar dia bertambah pada harta manusia, Maka riba itu tidak menambah pada sisi Allah dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencapai keredaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipat gandakan (pahalanya)”

2. Surah al-Nisa’ ayat 161

- “Dan disebabkan mereka memakan riba, sedangkan sesungguhnya mereka telah dilarang daripadanya, dan kerana mereka memakan harta benda orang dengan jalan yang batil, Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir di antara mereka itu siksa yang pedih”

3. Surah al-‘Imran ayat 130-132

- ”Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keberuntungan, dan peliharalah dirimu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir, dan taatilah Allah dan Rasul, supaya kamu diberi rahmat”

Surah al-Baqarah 275-285

- “Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhannya, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang kembali (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya. Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa, sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal yang solih, mendirikan solat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba, jika kamu orang-orang yang beriman…

….

- … maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka Ketahuilah, bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya. Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan dan menyedekahkan (sebagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui. Dan peliharalah dirimu dari (azab yang terjadi pada) hari yang pada waktu itu kamu semua dikembalikan kepada Allah. Kemudian masing-masing diri diberi balasan yang sempurna terhadap apa yang telah dikerjakannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan)”.

Al-Sunnah

- Jabir r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. melaknati orang yang makan riba, orang yang memberikannya, penulisnya dan kedua saksinya dan Baginda s.a.w. turut bersabda: “Mereka semua adalah sama” **(Riwayat Imam Muslim)**

- “Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan. Ada yang bertanya: “Ya Rasulululllah, apakah tujuh hal itu?” Rasulullah s.a.w. bersabda: “Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah kecuali dengan alasan yang hak, makan harta anak yatim, makan riba, melarikan diri dari medan pertempuran dan menuduh zina wanita baik-baik lagi beriman” (Riwayat Muslim)

Pembahagian Riba

- Riba *al-buyu'*

  Riba jual beli ialah transaksi jual beli yang tidak sama timbangan atau sukatan atau masa penyerahan barang tertentu *(barang ribawi)* atau transaksi matawang ketika berjual beli (tukar menukar) barang tersebut.

- Riba *al-Duyun*

  Riba Hutang Piutang ialah; Sebarang **lebihan** yang disyarat atau dijanjikan untuk diberi kepada pihak **Tuan Punya Hutang** atau untuk dimanfaatkan olehnya berkaitan dengan **hutang** yang diberi kepada **pihak yang berhutang.**

Riba al-Buyu (jual beli)

- Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:
- *“Diriwayatkan oleh ‘Ubadah bin Saamit daripada Rasulullah s.a.w. bersabda: Jual beli emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, sekoi dengan sekoi, buah kurma dengan buah kurma, dan garam dengan garam hendaklah sama timbangan atau sukatan, dan tukar menukar dalam masa yang sama. Jika sekiranya berlainan bahan-bahan ini, maka kamu boleh jual sebagaimana yang kamu suka dengan syarat berlaku pertukaran pada masa yang sama.”*
- ***(Riwayat Imam Ahmad dan Muslim).***

Bahan Ribawi

- Berdasarkan hadis di atas riba jual beli boleh berlaku pada bahan tertentu sahaja yang disebut sebagai *bahan ribawi* iaitu:-

- Emas
- Perak
- Gandum
- Sekoi
- Buah kurma (tamar)
- Garam

- Bahan –bahan tersebut dikenali dengan nama bahan *ribawi* iaitu barangan yang boleh terlibat dengan riba dalam jual beli sekiranya tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak.

Pembahagian Riba al-Buyu'

- **Riba *al-Fadhl*** iaitu transaksi jual beli bahan *ribawi* yang sesama jenis tanpa persamaan timbangan atau sukatan, seperti menjual 10 gram emas dengan 11 gram, menjual 5 gantang gandum dengan 6 gantang, dan seumpamanya.

- **Riba *al-Nasi'ah* (atau dipanggil juga sebagai *riba al-Yad*)** ialah jual beli bahan *ribawi* sama ada sesama sejenis atau berlainan jenis daripada bahan *ribawi* tanpa berlaku penyerahan di waktu yang sama (ketika tukar menukar) di mana berlaku penangguhan serahan oleh salah satu pihak.

Pembahagian Bahan Ribawi

- Bahan *ribawi* terbahagi kepada dua kumpulan iaitu matawang dan bahan makanan.
  - Mata wang; emas dan perak.
  - Bahan makanan; gandum ,sekoi, kurma (tamar) dan garam.

- Ini bermakna bahan *ribawi* iaitu bahan-bahan yang boleh terlibat dengan riba jual beli hanya melibatkan matawang dan bahan makanan sahaja, manakala **selain daripada kategori mata wang dan bahan makanan**, dalam konteks ini pertukaran yang berlaku tidak tergolong dalam riba jual beli.

Pembahagian Riba al-Duyun (Hutang Piutang)

- Riba Hutang Piutang ini terbahagi kepada dua jenis iaitu riba al-qardhu dan riba al-jahiliyyah:
- **1. Riba *al-Qardhu*** iaitu hutang yang disyarat atau dijanjikan sesuatu faedah/manfa'ah untuk kepentingan Tuan Punya Hutang.
- Hukumnya adalah haram berasaskan firman Allah s.w.t. yang bermaksud:
- *"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang masih berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.Oleh itu, kalau kami tidak melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa."*
- *(Surah Al-Baqarah ayat: 278, 279)*
- Juga terdapat hadis yang diriwayat oleh Saidina Ali R.A. di mana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:
- *"Setiap hutang yang menarik (membawa) manfa'ah (kepada tuan punya hutang) maka itu adalah riba."*

Lebihan yang disyaratkan

- Yang dikatakan Riba ialah **lebihan yang disyaratkan atau dijanjikan** untuk kepentingan pihak yang memberi hutang (tuan punya hutang), sama ada berbentuk wang; umpamanya hutang RM100 dengan syarat membayar sebanyak RM101, atau barang; umpamanya hutang sebanyak RM100 dengan syarat membayar sebanyak RM100 dan satu kilo beras, atau hutang sebanyak lima biji telor dijanjikan untuk membayar sebanyak enam biji, atau kegunaan seperti hutang sebanyak RM100 tetapi disyaratkan membayar RM100 dan juga pinjam kenderaan selama satu hari, atau keistimewaan seperti hutang RM100 dan dikehendaki juga menjual motokar kepadanya, dan lain-lain lagi faedah atau manfaat yang disyaratkan atau dijanjikan untuk kepentingan pihak pemberi hutang (tuan punya hutang).
- Walau bagaimanapun jika sekiranya pihak yang berhutang dengan sukarela membayar lebih daripada kadar hutangnya kepada tuan punya hutang atau mengemukakan sesuatu benda sebagai hadiah/sagu hati atau lain-lain sumbangan kepadanya **tanpa sebarang janji** atau syarat; maka sumbangan tersebut **tidak dianggap** riba dan ia dinamakan sebagai *al-qardh al- hasan,* maka hukumnya halal.

2. Riba al-Jahiliyyah

- **Riba *al-Jahiliyyah*** iaitu bayaran lebih daripada hutang asal (pokok) yang dikenakan ke atas orang yang berhutang sekiranya ia tidak membayar hutang itu pada tempoh yang ditetapkan.

- *Riba al-Jahiliyyah* adalah riba yang popular di zaman jahiliyyah, contohnya; Tuan punya hutang apabila genap tempoh lalu datang menuntutnya daripada orang yang berhutang, maka kata orang yang berhutang itu: Lanjutkan tempoh pembayaran hutang itu, saya akan menambah lagi harta kamu (dengan membayar faedah yang lebih). Berkata Al-Sheikh Ibnu Hajar bahawa riba terhasil dengan cara apabila seseorang memberi hutang kepada orang lain hingga tempoh tertentu, maka setiap bulan ia mengambil kadar bayaran (bunga) yang ditetapkan, dan modal (pokok) masih kekal. Apabila genap tempoh pembayaran hutang, maka tuan punya hutang menuntut supaya hutangnya itu diselesaikan, dan sekiranya orang yang berhutang itu tidak mampu membayarnya, maka bunga atau faedahnya akan ditambah lagi mengikut kadar masa yang ditangguhkan.

Penjelasan riba al-Jahiliyyah

- Berasaskan definisi di atas jelaslah bahawa kedudukan *riba al-jahiliyyah* adalah seperti berikut:-

- Pada mulanya boleh jadi ia adalah hutang tanpa terlibat dengan sebarang riba, atau mungkin juga pada awalnya sudahpun terlibat dengan *riba al-qardhu.*
- Apabila pembayaran tidak dibuat pada tempoh masa yang telah ditetapkan, maka bayaran faedah (bunga) dikenakan/ditambah ke atas tiap-tiap hari atau bulan yang tertangguh sehinggalah hutang tersebut dapat dilunaskan pembayarannya.

Isu-isu

- Sekiranya bahan *ribawi* seperti di atas dijual dengan berlainan jenis; seperti emas dengan perak, gandum dengan buah tamar, maka bolehlah dijual tanpa sama timbangan atau sukatan, tetapi disyaratkan mestilah berlaku serah menyerah dalam satu masa atau secara serentak.

- Sebagai penyelesaian untuk ini demi mengelakkan daripada berlakunya riba dalam jual beli yang melibatkan bahan *ribawi* tersebut, maka jual beli itu hendaklah dilaksanakan secara *tunai* (cash/spot) dan *sama timbangan/sukatan* jika sama sejenis.

- Barangan yang ditukarkan yang melibatkan bahan *ribawi* sekalipun berbeza kualiti atau mutu tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk membolehkan barang tersebut dijual tanpa sama timbangan atau sukatan; contohnya 10 gram emas yang bermutu rendah ditukarkan dengan 8 gram yang bermutu tinggi, maka transaksi seperti ini adalah riba.

…

- Barangan-barangan lain selain daripada enam jenis yang disebutkan dalam hadis, jika dikategorikan sebagai bahan *ribawi,* maka ia juga tertakluk dengan hukum yang sama dengan bahan-bahan *ribawi* seperti beras.
- Namun menurut pendapat Daud Zahiri (bukan pandangan majoriti ulama') bahan *ribawi* yang melibatkan makanan hanya tertentu kepada empat jenis tersebut (gandum, sekoi, buah kurma dan garam) sebagaimana yang disebut dalam hadis.
- Sekiranya transaksi yang dijual melibatkan bahan ribawi dengan bahan yang bukan ribawi; seperti gandum dengan pakaian, maka tidak disyaratkan persamaan dan tidak terikat dengan penyerahan dalam masa yang sama, begitu juga menjual barang yang bukan ribawi dengan barang sesama bukan Ribawi; seperti menjual sebuah motokar dengan dua buah motokar sama ada secara tunai atau tangguh, maka transaksi tersebut tidak dikatakan riba. Begitu juga boleh menjual seekor lembu dengan pertukaran dua ekor lembu sama ada secara tangguh atau tunai kerana kedua-duanya bukan bahan *ribawi.*

GHARAR

- *Gharar* menurut bahasa ialah risiko yang tidak diketahui berlaku atau tidak . Di kalangan ahli fikah terdapat pelbagai definisi antaranya *“perkara yang tidak diketahui sama ada dapat diperolehi atau tidak*” atau *“ perkara yang meragukan di antara selamat atau musnah”* atau *“perkara yang menjadi syak (ragu) sama ada dapat diperolehi salah satu daripada tukaran barangan”* atau *“perkara yang tidak diketahui adakah sempurna atau tidak”* atau *“sesuatu yang meragukan antara dua perkara yang tidak ketara salah satu daripada keduanya”*

Perbezaan dengan *al–Salam*

- Perbezaan yang jelas antara jual beli *al-Salam* dengan jual beli al-gharar ialah jual beli al-gharar ini tidak dapat dipastikan hasilnya sama ada diperolehi atau tidak.
- Hal ini berbeza dengan jual beli *al-salam* kerana kontrak tersebut dapat dipastikan hasilnya.

TAGHRIR

- *Gharar* ialah risiko yang berlaku sebagai kesan daripada perbuatan *al-taghrir.*
- Al-*taghrir* ialah penipuan, sama maksudnya dengan *al-tadlis.*
- Ia bermaksud penipuan yang dilakukan bagi mempengaruhi pihak yang ditipu untuk melakukan akad yang disangkanya memberi kebaikan (maslahah) kepadanya sedangkan pada hakikatnya tidak begitu.

Pembahagian *al–taghrir*

- *Al-taghrir al-qawli* (penipuan menerusi perkataan)
  "Rantai ini dibuat daripada emas dengan harganya seribu. Sebagai kawan saya beri awak RM800 sahaja" sedangkan hakikatnya bukan emas yang tulen.

- *Al-taghrir al-fi'li* (penipuan menerusi perbuatan)
  - Mencelup pakaian lama agar kelihatan baru untuk dijual dengan harga pakaian baru. Contoh lain ialah najsy (tidak memerah susu kambing beberapa hari untuk dikatakan oleh pembeli banyak susunya).

Al-taghrir bi kitman al-haqiqah (penipuan dengan menyembunyikan hakikat)

- Contohnya A menjual kereta tanpa memaklumkan kepada pembeli bahawa kereta tersebut pernah terlibat dengan kemalangan yang teruk.
- Menukarkan meter kereta agar dikatakan oleh pembeli bahawa tidak pernah berjalan jauh

Kesan kerugian yang berpunca daripada *al-taghrir*

- Sebahagian fuqaha’ membolehkan fasakh terhadap akad sama ada kerugian besar atau kecil.
- Sebahagian membenarkan fasakh jika kerugiannya besar.

MAISIR (JUDI)

Berjudi ialah permainan yang melibatkan kerugian salah satu daripada kedua belah pihak yang bertanding sama ada secara berpakat atau nasib. Dalil pengharamannya ialah firman Allah s.w.t. dalam surah al-Maidah ayat 90-91 yang bermaksud:

- *“Wahai orang-orang Yang beriman! bahawa Sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (Semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”.*

Qimar

- Ada yang membezakan antara *maisir* dengan *qimar* sekalipun kedua-duanya mempunyai elemen pertaruhan.
- *Qimar* ialah setiap permainan yang mensyaratkan pemenangnya akan mengambil sesuatu daripada orang yang kalah.
- Ibn Taimiyyah mendefinisikan *qimar* sebagai mengambil harta orang lain dengan suatu yang tidak pasti sama ada memperolehi imbalan/ganti atau sebaliknya.

maisir

- Kebanyakan fuqaha' menggunakan *qimar* atas maksud *maisir*, sekalipun lafaz *qimar* pada asalnya lebih umum daripada *maisir* yang merangkumi segala bentuk pertaruhan.
- Manakala *maisir* lebih kepada pertaruhan seperti anak panah seperti amalan kaum jahiliyyah.

Judi dan gharar

- Menurut Dr. Rafiq al-Misriy judi dan *gharar* sama sahaja maknanya hanya berbeza penggunaannya iaitu *gharar* berlaku dalam jual beli atau seumpamanya manakala judi berlaku dalam permainan atau seumpama dengannya . Menurut al-Dharir pula perkataan *gharar* lebih umum berbanding dengan perkataan judi.

KESIMPULAN

- Islam melarang perkara-perkara yang menyebabkan berlaku musibah atau kemudaratan kepada orang lain terutamanya dalam amalan muamalat.
- Kemudaratan ini akan mencetuskan perasaan kurang senang dan api permusuhan sesama manusia.
- Oleh yang demikian sudah tentu bertentangan dengan prinsip reda meredai antara satu sama lain.